

**SOALAN PERCUBAAN**  
**PENDIDIKAN ISLAM SPM 2021**

**TINGKATAN 5**

**1223/1**

**PENDIDIKAN ISLAM**

**Kertas 1**

2 jam 30 minit

**Dua Jam Tiga Puluh Minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **lima** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Semua jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak

Arahan : Jawab semua soalan.

1. (a) Firman Allah SWT:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّمَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Surah Fussilat : ayat 33

Ayat di atas menerangkan tentang tuntutan berdakwah.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Apakah maksud dakwah? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** tuntutan Allah SWT dalam ayat di atas selain dakwah. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** kepentingan dakwah dalam masyarakat. [2 markah]
- (iv) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: سَبْعَةٌ يُظْلَمُهُمُ اللَّهُ، فِي ظِلِّهِ، يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ،  
الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلٌ تَحَابَ فِي اللَّهِ،  
اجْتَمَعَ عَلَيْهِ، وَتَفَرَّقَ عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَبَّتْهُ امْرَأَةٌ دَأْتُ مَنْصِبٍ، وَجَمَالٌ، فَقَالَ إِنِّي أَحَافِظُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ  
تَصَدَّقَ أَحْخَفَى حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ بِمِينَهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ حَالِيًّا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ.

(متفق عليه)

Hadis di atas menerangkan tentang golongan yang mendapat naungan Allah SWT di akhirat.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Senaraikan **dua** golongan yang mendapat naungan Allah SWT selain daripada seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** cara untuk membuktikan seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid. [4 markah]

إِنْ تُبْدِو الصَّدَقَاتِ فَنِعْمًا هِيَ وَإِنْ تُخْفِوهَا وَتُؤْتُوهَا الْفَقَرَاءُ فَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَيُكَفِّرُ عَنْكُمْ مِنْ سَيِّئَاتِكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَيْرٌ

Al-Baqarah : ayat 271

Maksud:

Jika kamu zahirkan sedekah itu, maka itu adalah baik, dan jika kamu sembunyikan sedekah itu serta diberikan kepada fakir miskin, maka ia adalah baik bagi kamu. Dan Allah SWT akan menghapuskan daripada kamu sebahagian daripada kesalahanmu. Dan Allah SWT Maha Mengetahui apa yang kamu lakukan.

- (iii) Huraikan hujah anda untuk menyokong ayat al-Quran di atas. [4 markah]
- 2 (a) Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang teguh kepada al-Quran dan al-Sunnah.
- (i) Senaraikan **dua** nama lain golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah tentang isu-isu berikut:  
 a) Adakah al-Quran makhluk?  
 b) Melihat Allah SWT. [2 markah]
- (iii) Terangkan kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. [2 markah]



- (iv) Berdasarkan gambar di atas, mengapakah pihak berkuasa di Malaysia bertindak sedemikian? Huraikan. [4 markah]
- (b) Al-Jabbar ialah antara nama-nama Allah SWT yang indah.
- (i) Nyatakan maksud nama Allah SWT al-Jabbar. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** akibat bersikap takbur dan sompong dalam kehidupan bermasyarakat. [4 markah]
- Islam melarang umatnya bersikap sompong, riak dan takbur dalam kehidupan.
- (iii) Bagaimanakah anda menjauhi sikap tersebut? Kaitkan dengan keimanan terhadap sifat Allah SWT al-Jabbar. [4 markah]

3. (a) Korban dan akikah merupakan ibadah yang dilaksanakan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT
- (i) Nyatakan **dua** contoh binatang al-an'am yang disyariatkan untuk ibadah korban dan akikah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** perbezaan antara ibadah korban dan akikah. [4 markah]



Gambar gotong-royong memotong daging korban untuk dibahagikan kepada golongan memerlukan.

- (iii) Berikan pandangan anda berkaitan situasi di atas. [4 markah]
- (b) Perkahwinan merupakan fitrah manusia bagi memenuhi tuntutan batin dan mendapatkan zuriat.
- (i) Senaraikan **dua** rukun nikah selain bakal suami dan bakal isteri. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab suami isteri dari aspek ibadah. [4 markah]
- Azman mengahwini Sarah dengan tujuan untuk menganiaya dan menzaliminya demi membala dendam kerana pinangannya pernah ditolak oleh keluarga Sarah.
- (iii) Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah perkara ini berlaku? Bincangkan. [4 markah]

- 4 (a) Kerajaan Abbasiah memerintah selama 524 tahun setelah berjaya mengalahkan Kerajaan Umayyah.
- (i) Berapakah bilangan khalifah Kerajaan Abbasiah dan dimanakah pusat pemerintahannya? [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** khalifah Kerajaan Abbasiah yang terkenal. [2 markah]
- (iii) Jelaskan faktor kegemilangan Kerajaan Abbasiah dari aspek agama. [2 markah]
- (iv) Huraikan **dua** iktibar yang boleh diambil daripada pemerintahan Kerajaan Abbasiah. [4 markah]

- (b) Salahuddin al-Ayubi merupakan pahlawan Islam yang terbilang.
- Nyatakan riwayat hidup beliau secara ringkas. [2 markah]
  - Jelaskan **dua** sumbangan beliau dalam bidang ketenteraan dan keilmuan. [4 markah]
 

Salahuddin al-Ayubi merupakan seorang pemerintah yang prihatin terhadap kebajikan rakyat. Beliau telah mengubah dewan di istana dengan menjadikannya sebuah hospital.
  - Berdasarkan petikan di atas, bagaimanakah anda sebagai ketua kelas dapat memberikan perkhidmatan kepada rakan-rakan anda? Huraikan. [4 markah]
- 5 (a) Setiap manusia berhak untuk hidup bahagia di dunia ini. Begitulah juga dengan orang kurang upaya.
- Nyatakan **dua** adab terhadap orang kurang upaya dari segi fizikal. [2 markah]
  - Terangkan **dua** hikmah beradab terhadap orang kurang upaya. [4 markah]
 



Kemudahan awam kepada orang kurang upaya
  - Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku kepada golongan orang kurang upaya jika masyarakat awam menggunakan dengan sewenang-wenangnya. [4 markah]
- (b) Sifat mazmumah perlu dihindari oleh semua umat Islam.
- Apakah maksud sifat mazmumah? [2 markah]
  - Senaraikan **dua** contoh perbuatan riak. [2 markah]
  - Jelaskan **dua** cara meninggalkan sifat mazmumah oleh individu. [2 markah]
 

Adam seorang pelajar yang cemerlang di sekolahnya. Beliau berasa bangga dengan kelebihan dan ilmu yang dimilikinya.
  - Sebagai seorang sahabat, apakah yang perlu anda lakukan untuk menginsafkannya? Huraikan. [4 markah]

### KERTAS SOALAN TAMAT